

23/06/2002

Melayu diingat waspada ditipu musuh

KUALA LUMPUR: Orang Melayu perlu sedar bahawa segala peruntukan undang-undang yang ada hari ini belum tentu dapat menyelamatkan mereka daripada ditipu oleh pihak musuh termasuk orang Melayu sendiri.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata ini kerana walaupun hak orang Melayu dilindungi seperti termaktub dalam Fasal 153, Perlembagaan Persekutuan tetapi orang Melayu masih lemah dan tidak selamat.

"Apakah kita yakin dengan undang-undang yang kita akan gubal dan sedia ada bahawa kedudukan kita akan terjamin? Adakah orang Melayu akan terselamat daripada ditipu.

"Kalau kedudukan orang Melayu terjamin kerana dilindungi, mengapa Presiden dalam ucapannya masih menganggap orang Melayu masih lemah dan tidak selamat?" katanya dalam ucapan penggulungan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Muhyiddin berkata, pokok pangkalnya ialah orang Melayu perlu balik semula kepada nilai hidup, sikap dan persepsi yang perlu diperbetulkan.

Katanya, orang Melayu hari ini juga sebahagian besar masih dikongkong oleh minda jumud atau ketinggalan zaman.

"Banyak kejayaan yang dibawa Dr Mahathir tetapi masih ada sebahagian besar orang Melayu mudah diperdaya dan ditipu pihak yang sengaja mencari jalan untuk menipu kita.

"Oleh itu, sedarlah kita semua. Seperti yang diaturkan Islam, berhijrahlah supaya kita tidak ditipu keadaan, situasi dan alam sekitar," katanya.

Muhyiddin memberi contoh, skim cepat kaya atau sebenarnya 'skim cepat papa' yang mana sebahagian besar mangsanya ialah orang Melayu.

Katanya, orang Melayu mudah ditipu penganjur skim kerana mahu cepat kaya menggunakan jalan mudah.

Beliau berkata, pada 1970-an, wujud satu skim yang dinamakan Skim Labu Peram Pak Man Telo yang mana 35,000 orang Melayu ditipu membabitkan wang puluhan ribu milik orang Melayu menjadi abu.

"Tetapi bak kata presiden parti, Melayu mudah lupa. Peristiwa Melayu ditipu kini sedang bermaharajalela.

"Soalnya, kenapa orang Melayu yang ramai ditipu atau mahu ditipu? Ini kerana orang Melayu mahu cepat kaya dengan jalan mudah walaupun tahu tidak ada jalan pintas untuk mencapai kemajuan dan kekayaan," katanya.

Katanya, perkara itu terjadi kerana orang Melayu mempunyai sikap cari jalan mudah, malas dan tidak mahu bersusah payah lantas mudah terpedaya.

Beliau berkata, skim cepat kaya sebagai contoh terbaik yang disebabkan penganjur skim itu berniat jahat menipu tetapi tidak disedari orang Melayu.

Katanya, ada skim yang hanya memerlukan pelaburan RM8,000 dan tempoh sebulan akan dapat untung RM64,000.

"Wah! keuntungan 800 peratus dalam sebulan. Skim kedua, kalau tuan belum pernah lihat Kaabah dan ziarah Masjidil Haram, ada skim untuk pergi umrah yang hanya perlu bayar RM800 dan hanya perlu tiga bulan, InsyaAllah akan pergi ke umrah.

"Tetapi selepas tiga bulan, bukan saja ke umrah ke Jeddah pun tidak sampai," katanya.

Beliau berkata, orang Melayu juga mempunyai sikap tidak berfikir panjang, mudah percaya kepada apa yang orang lain kata.

Katanya, ada mangsa mengadu dan memberitahu sudah ditipu selepas memyerahkan wang hanya berdasarkan kepercayaan skim itu menguntungkan.

Muhyiddin berkata, orang Melayu juga ada sikap tamak haloba dan hanya bergantung kepada doa serta harapan supaya pelaburan membawa keuntungan.

Beliau berkata, orang Melayu juga mudah ditipu kerana tidak mahu mempelajari kesilapan atau menghargai kesengsaraan yang dihadapi orang lain.

"Orang Melayu juga bermoral rendah, mencari jalan mudah untuk menipu orang lain. Melayu tipu Melayu," katanya.

Katanya, walaupun kerajaan mengadakan undang-undang baru seperti Akta Anti Piramid, ia tetap tidak berjaya sekiranya sikap orang Melayu tidak berubah dan masih mengharapkan jalan pintas dan mudah untuk menjadi kaya.

(END)